

KERTAS KERJA

TAMBAHAN GARIS PANDUAN PERANCANGAN TEMPAT IBADAT ISLAM

MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG

1. PENGENALAN

Penyediaan tempat ibadat Islam adalah satu kemudahan yang perlu ada untuk umat Islam menunaikan ibadat sembahyang seperti yang diperintahkan oleh Rasulullah S.A.W. di setiap pembangunan pempandaran, kawasan perumahan dan kawasan pelancongan. Selain dari tempat menunaikan sembahyang, tempat ibadat Islam hendaklah juga berfungsi sebagai tempat perjumpaan dan perbincangan (syura), pusat pendidikan, pusat maklumat, pusat penerangan, pusat kebajikan, dan pusat pemulihan akhlak. Bagi tujuan memakmurkan sesebuah tempat ibadat Islam, semua aktiviti-aktiviti tersebut perlu dirancang secara bersepadu untuk mewujudkan suasana persekitaran tempat ibadat Islam sebenarnya.

Tambahan Garis Panduan Perancangan Tempat Ibadat Islam ini adalah merujuk kepada Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Tempat Ibadat Islam yang dikeluarkan oleh Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Semenanjung Malaysia, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia. Tambahan Garis Panduan ini adalah bagi kegunaan semua pihak terutamanya Pihak Berkuasa Tempatan dan Pihak Berkuasa Negeri dalam melaksanakan perancangan dan pembinaan tempat ibadat Islam.

Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) mendapati Tambahan Garis Panduan Perancangan Tempat Ibadat Islam perlu dibuat bagi memastikan kesempurnaan penyediaan tempat ibadat berkenaan bagi memastikan kesempurnaan penyediaan tempat ibadat berkenaan mengikut keperluan semasa umat Islam.

Kaedah pengiraan penduduk dalam menentukan keluasan tapak dan kelulusan binaan bangunan perlu diubah memandangkan bilangan penghuni rumah kos rendah dan

kos sederhana adalah lebih ramai atau sama dengan bilangan penghuni rumah sesebuah. Kadar 3.5 bagi seunit kediaman adalah purata bagi semua jenis kediaman dan kaedah pengiraan ini didapati munasabah digunakan untuk menentukan jumlah penduduk.

Bagi tempat-tempat tumpuan orang ramai, penyediaan bilik sembahyang yang lebih luas serta lokasi yang mudah diakses adalah amat wajar kerana masyarakat Islam pada masa ini didapati lebih prihatin melaksanakan kewajipan sembahyang dan biliksembahyang berkenaan memerlukan ruang serta lokasi yang sesuai seperti yang dicadangkan di dalam Tambahan Garis Panduan Perancangan Tempat Ibadat Islam ini.

Tambahan kepada garis panduan ini dapat member panduan yang lebih jelas kepada pemaju untuk memperuntukkan kawasan tapak serta ruang bangunan tempat ibadat Islam di peringkat penyediaan pelan merancang dan semasa menyediakan pelan bangunan.

Dengan adanya garis panduan tambahan ini akan dapat membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pemaju dan MAINPP pada masa kini di mana terdapat kes-kes di mana pemaju ingin membeli balik tapak kerana tiada penghuni Islam serta masjid atau surau sedia ada didapati berdekatan dengan penyediaan masjid atau surau.

2. PERKARA-PERKARA BARU/TAMBAHAN KEPADA GARIS PANDUAN PERANCANGAN TEMPAT IBADAT ISLAM

1.1 Keluasan Tapak Masjid Negeri dan Masjid Daerah / Jajahan

2.1.1 Masjid Negeri : 3 hingga 7 hektar

2.1.2 Masjid Daerah/Jajahan : 1 hingga 5 hektar

1.2 Kaedah Pengiraan Penduduk

2.2.1 Pengiraan jumlah bilangan penduduk bagi suatu kawasan pemajuan yang digunapakai oleh Pihak Berkuasa tempatan (MPP dan MSP) adalah mengikut kategori rumah dengan had luas minima seperti kaedah perkiraan berikut:

- i. Untuk perumahan kos rendah : 2 orang seunit
- ii. Untuk perumahan (selain kos rendah)
Saiz kurang atau sama dengan 65 m.p : 3 orang seunit
- iii. Untuk perumahan saiz antara 65 m.p
Hingga 75m.p : 4 orang seunit
- iv. Untuk perumahan saiz melebihi 75 m.p : 5 orang seunit

2.2.2 Memandangkan peraturan terkini yang ditetapkan oleh Pihak Tempatan berkaitan perancangan saiz kediaman ialah keluasan kurang atau sama dengan 700 k.p (65 m.p) bagi rumah kos sederhana rendah dan rumah kos rendah, dan keluasan melebihi 700 k.p (melebihi 65 m.p) bagi rumah kos sederhana, maka MAINPP mengguna pakai kaedah **3.5 orang seunit bagi pengiraan jumlah bilangan penduduk** dalam menentukan keperluan tempat ibadat Islam.

1.3 Keluasan Lantai Bangunan

2.3.1 Penentuan keluasan lantai bangunan tempat ibadat Islam adalah berdasarkan keperluan mengikut bilangan penduduk iaitu **0.1 m.p ruang bangunan tempat ibadat islam bagi setiap penduduk dengan pengiraan jumlah bilangan penduduk 3.5 orang seunit rumah.**

Ruang bangunan bermaksud keluasan lantai bersih untuk ruang sembahyang. Ruang ini tidak termasuk temoat wuduk, tandas, ruang pengurusan jenazah serta setor yang **wajib dibina dan disiapkan oleh pemaju** mengikut pelan yang diluluskan.

Keluasan temPat wuduk, setor serta bilangan tandas bergantung kepada keluasan ruang sembahyang.

2.4 Saiz Pemajuan Yang Dikehendaki Penyediaan Ruang Bangunan Tempat Ibadat Islam

2.4.1 Bagi pemajuan berpangsa (strata) atau pemajuan teres, berkembar dan sesebuah (landed) yang mengandungi **26 unit perumahan dan ke atas**, penyediaan secara fizikal sebuah tapak dan bangunan tempat ibadat Islam di atas tanah yang dipecah sempadan diperlukan.

2.5 Pengecualian Membina Tempat Ibadat Islam

2.5.1 Garis panduan ini hanya terpakai bagi pemajuan perumahan yang mengandungi **4 unit dan ke bawah** di mana penyediaan tempat

ibadat Islam **dikecualikan**. Ini tidak termasuk pemajuan untuk rumah kedai dan industri kecil sederhana serta kilang.

2.6 Saiz Pemajuan Yang Boleh Dipertimbangkan Untuk Dikecualikan Dari Penyediaan Fizikal tempat Ibadat Islam

2.6.1 Bagi pemajuan kawasan kediaman, samada berpangsa (strata) atau teres/berkembar/sesebuah (landed) yang **mengandungi 5 unit ke atas dan kurang daripada 26 unit**, pemaju boleh dikecualikan daripada membina secara fizikal tempat ibadat Islam. Sebagai gantian, pemaju disyaratkan seperti berikut:

i. Membayar kepada MAINPP

a) **Kos binaan bangunan pada kadar kos pembinaan semasa** bagi binaan surau atau pusat kegiatan Islam.

Serta

b) **Pemaju menyerahkan tanah tapak tempat ibadat islam kepada MAINPP**

Luas binaan ruang surau atau pusat kegiatan Islam adalah dikira mengikut bilangan penduduk seperti piawaian yang diguna pakai (0.1 m.p ruang bangunan bagi setiap penduduk dengan pengiraan jumlah bilangan penduduk 3.5 orang seunit rumah)

2.7 Kriteria Bangunan Surau

a) Saiz Minima Ruang Lantai 60 m.p luas lantai bersih (ruang sembahyang) atau mengikut piawaian atau yang mana lebih besar. Luas lantai bersih adalah tidak termasuk tempat ambil wuduk, tandas, ruang pengurusan jenazah dan setor.

b) Lokasi Bangunan tersebut hendaklah dibina di atas tapak yang mengambil kira anjakan bangunan minima dari sempadan dan garis bangunan mengikut garis panduan Majlis dan Undang-undang Kecil.

Bangunan hendaklah menghadap Kiblat.

c) Hakmilik

Di atas tapak asing yang mempunyai laluan sah dan tidak terletak berhampiran logi kumbahan, depo sampah, bersebelahan tapak penjaja, pencawang elektrik atau rumah pam. Tapak mestilah berada di tengah-tengah kawasan pemajuan (pusat pemajuan).

Tapak dan bangunan surau hendaklah diserahkan kepada MAINPP dengan **PERCUMA** dan penyerahan dibuat di peringkat kelulusan pelan pecah sempadan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

d) Pembinaan

Bangunan surau hendaklah dibina dan disiapkan sebelum Sijil Penghunian (C.F) blok perumahan pertama dikeluarkan.

Pagar hendaklah dibina sekeliling sempadan surau.

2.8 Perancangan Bilik Sembahyang

2.8.1 Kawasan Terlibat

Bagi tempat-tempat tumpuan orang ramai khususnya yang melibatkan orang Islam perlu disediakan ruang untuk sembahyang samada berbentuk bilik sembahyang atau bangunan berasingan terutamanya bagi kawasan yang jauh daripada masjid atau surau sediaada iaitu melibatkan kawasan berikut:

- Kompleks Pejabat Kerajaan
- Terminal Perhentian Pengangkutan Awam termasuk bas, teksi dan keretapi.
- Stadium dan kompleks sukan dan kawasan rekreasi.
- Pasar dan kompleks perniagaan.
- Hentian lebuh raya.
- Kawasan perindustrian.
- Pusat pelancongan.

d) Pembinaan

Bilik sembahyang Islam hendaklah disediakan dan disiapkan sebelum Sijil Penghunian bangunan dikeluarkan.

Pagar hendaklah dibina sekeliling sempadan surau.

PELAN SURAU

- 3.1 Pelan-pelan yang menunjukkan keluasan ruang sembahyang dan ruang-ruang selainnya yang diperlukan bagi setiap bangunan ibadat Islam (surau) mengikut bilangan unit kediaman adalah seperti lukisan ***Pelan 1 hingga Pelan 7.***